

Hutan Simpan Ayer Itam Tambahan (2010-kini)

Dirujuk oleh

- [Hutan Simpan Ayer Itam \(1905-kini\)](#)

Kronologi

2004-04-01: Laporan Akhbar Tapak Perkuburan

"Akhbar melaporkan bahawa dengan keluasan 22 hektar ekar di HSAH antara Saujana Puchong dan Lestari Putra akan dibina dan dijadikan tapak perkuburan. Penduduk mula meminta pertolongan dari ahli UMNO, MCA dan Gerakan."

2005-04-25: Surat Makluman Rasmi MPSJ

"MPSJ menghantar surat rasmi kepada dua rumah berdekatan sahaja daripada lebih 10,000 unit rumah kediaman. Surat itu bertujuan memaklumkan tentang perancangan kubur ini dan meminta pemilik rumah membalas surat berkenaan dalam tempoh 21 hari dengan memberi pendapat tentang hal ini."

2005-10-03: Penubuhan Signature Campaign Teamwork (SCT)

"Protem penduduk SCT telah ditubuhkan untuk menjalankan kempen tandatangan, terdapat 1,701 dari 1,983 unit rumah yang didiami (berdasarkan hanya satu tandatangan untuk satu rumah). Ini mengesahkan sebanyak 86 peratus majoriti suara bantahan."

2005-12-04: Makluman Perancangan Protes

"SCT memaklumkan secara rasmi kepada semua jawatankuasa kerajaan yang berkhidmat untuk Saujana Puchong bahawa satu protes besar akan dilancarkan bagi menunjuk rasa ketidakpuasan hati atas perancangan Kerajaan Negeri yang tidak munasabah. Hanya MPSJ membalas di mana suatu perjumpaan penduduk akan diadakan di Ibu Pejabat MPSJ pada 15/12/05."

2005-12-20: Keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)

"20/12/2005: YDP MPSJ telah membawa hal ini ke mesyuarat MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Selangor)."

"22/12/2005: Yang Dipertua MPSJ bertemu SCT dan memaklumkan keputusan MTES adalah mengekalkan perancangan itu tanpa mengambil kira sebab bantahan."

2006-01-20: Rayuan Kepada MB Selangor

"SCT terus merayu kepada Menteri Besar Selangor atas keputusan MTES yang tidak adil."

2006-01-27: SCT Memulakan Tindakan Undang-Undang

"SCT mendaftar tindakan perundangan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam tempoh 40 hari dari surat MTES untuk menjamkin tindakan 'Judicial Review' dapat disahkan. SCT memulakan kempen kutipan yuran mahkamah dari penduduk dan kutipan berjaya diperolehi RM80,000."

2006-03-27: Memorandum SCT Kepada Pelbagai Pihak

"27/03/2006-11/03/2007: SCT menghantar memorandum memohon pertolongan daripada bekas Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng, badan pertubuhan bukan kerajaan dan kepada 54 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mendapatkan pendirian berkenaan isu kubur."

Kronologi bantahan HSAH		
01/04/2004 - Akhbar melaporkan bahawa tanah dengan keluasan 22 hektar ekar di HSAH antara Saujana Puchong dan Lestari Putra akan dibina dan dijadikan tapak perkuburan. Penduduk mula meminta pertolongan dari ahli UMNO, MCA dan Gerakan.	20/12/2005 - YDP MPSJ telah membawa hal ini ke mesyuarat MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Selangor)	06/06/2007 - Kerja meng-ukur tanah untuk memulakan rancangan tanah perkuburan di HSAH dijalankan menyebabkan kemarahan penduduk yang mengadakan protes pada hari yang sama.
25/04/2005 - MPSJ menghantar surat rasmi kepada dua rumah berdekatan sahaja daripada lebih 10,000 unit rumah kediaman. Surat itu bertujuan memaklumkan tentang perancangan kubur ini dan meminta pemilik rumah membalas surat berkenaan dalam tempoh 21 hari dengan memberi pendapat tentang hal ini.	22/12/2005 - Yang Dipertua MPSJ bertemu SCT dan memaklumkan keputusan MTES adalah mengekalkan perancangan itu tanpa mengambil kira sebab bantahan.	13/08/2007 - Tarikh pendengaran kes mahkamah sekali lagi ditangguhkan pada 23/11/2007.
03/19/2005 - Protes penduduk SCT telah ditubuhkan untuk menjalankan kempen tandatangan, terdapat 1,701 dari 1,963 unit rumah yang didiami (berdasarkan hanya satu tandatangan untuk satu rumah). Ini mengesahkan sebanyak 86 peratus majoriti suara bantahan.	20/01/2006 - SCT terus merayu kepada Menteri Besar Selangor atas keputusan MTES yang tidak adil.	13/02/2008 - SCT mengutuai penduduk menghantar memorandum kepada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo agar memindahkan tapak perkuburan seluas 60 hektar ke tempat lain yang lebih sesuai.
04/12/2005 - SCT memaklumkan secara rasmi kepada semua jawatankuasa kerajaan yang berkhidmat untuk Saujana Puchong bahawa satu protes besar akan dilancarkan bagi menunjuk rasa ketidakpuasan hati atas perancangan Kerajaan Negeri yang tidak munasabah. Hanya MPSJ membalas di mana suatu per-	27/01/2006 - SCT mendaftar tindakan perundangan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam tempoh 40 hari dari surat MTES untuk menjamkin tindakan 'Judicial Review' dapat disahkan. SCT memulakan kempen kutipan yuran mahkamah dari penduduk dan kutipan berjaya di peroleh RM80,000.	25/10/2009 - Menteri Besar Selangor Tan Sri Abhal Khalid Ibrahim mengeluarkan kenyataan bahawa tapak perkuburan akan digazetkan semula apabila lokasi baru pembinaan kubur ditemui.
27/03/2006-11/03/2007 - SCT menghantar memorandum memohon pertolongan daripada bekas Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng, badan pertubuhan bukan kerajaan dan kepada 54 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mendapatkan pendirian berkenaan isu kubur.		09/01/2010 - Exco berkaitan mengumumkan projek pembinaan kubur dibatalkan dalam laporan akhir berbahasa Cina.
		17/01/2010 - Penduduk dan SCT utuai Kerajaan Negeri mengeluarkan bitam putih dan seterusnya mengazetkan semula HSAH sebagai hutan simpanan kekal.

Sumber kronologi 2004-2006: Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference".

2007-04-17: Kerja Ukur Mula Dijalankan



Surat Kebenaran Kerja Ukur daripada MPSJ: *"On Saturday, 5 May 2007, one resident in Saujana Puchong saw a few workers doing some boundary measurements at the cemetery site. The witty lady immediately asked the workers what they are doing and requested for the authorization letter. To her surprise, it is a letter by MPSJ authorizing MRI Consultancy to do the boundary survey for the cemetery. A copy of the letter is attached here."* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 6 Mei 2007:

"MPSJ Disrespects Court Order And Starts work on the cemetery").

"Kerja mengukur tanah untuk memulakan rancangan tanah perkuburan di HSAS dijalankan menyebabkan kemarahan penduduk yang mengadakan protes pada hari yang sama." (Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2007-05-06: Bantahan Penduduk



Kiri: The Star, 8 May 2007 (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 10 Mei 2007:

"re: Newspaper Cuttings of protest on May 6, 2007").



"Newspaper cutting on the event"

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 16 Ogos 2007:

"Protest in Lestari Puchong on 12 August 2007").

2007-12-16: Memorandum Kepada Ahli Parlimen Puchong

skwad cakna UNIT SUBANG JAYA Nur Farhana Abd. Manan 019-229 7337

sinar@subang jaya SINAR HARIAN Isnin 17 Disember 2007 S19

Jika anda berada di sekitar kawasan Damansara Damsai, Sri Damansara, Kota Damansara, Damansara Prima, SS 2, SS 4, Sea Park, Kelana Jaya, Bandar Utama, Petaling Jaya Utama, Tmn Medan, Tmn Sentosa, Seri Setia (Sg weil), Jln Klang Lama, PJ Old Town, PJ New Town, SS 13, SS 14, SS 16, SS 17 dan Jln Universiti hubungi Skwad Cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

Penduduk bantah bina kubur

Penduduk membantah pembinaan ini kerana kedudukan kawasan kubur yang akan dibina hanya 50 meter dari kawasan perumahan.

NUR FARHANA ABDUL MANAN

BANDAR PUTERI - Lebih 100 penduduk dari Taman Perumahan Saujana Puchong dan Lestari Puteri berkumpul di hadapan pejabat Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng bagi menghantar memorandum bantahan pembinaan kubur di Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH), di sini semalam.

Memorandum itu gagal diserahkan berketuan Ahli Parlimen berikutan bantahan penduduk berunding untuk mengadakan piket secara aman dengan berjalan kaki sejauh kira-kira satu kilometer bermula dari sebuah pusat beli-belah di sini ke pejabat wakil rakyat berkenaan.

"Namun kami akur dengan nasihat polis supaya membatalkan maraungan itu dan hanya menghantar memorandum ke pejabat Lau tetapi tiada wakil di pejabatnya sebelum kami mengemukakan keputusan bersuara kira-kira lima minit kemudian," katanya.

Jelas Yew, memorandum itu adalah bantahan pembinaan kubur integrasi tiga kawasan yang akan dibina HSAH di atas tanah berikhsahan 55 ekar.

"Kami membantah kerana kedudukan kawasan kubur itu hanya 50 meter dari kawasan perumahan dan kami terpaksa menanggung risiko harga tanah tidak laku dijual pada masa hadapan.

"Perkara ini sudah di maklumkan kepada pihak wakil rakyat dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Malah mereka berjanji akan cuba menyelesaikan masalah ini.

"Namun, selepas 19 bulan, penduduk masih tidak menerima apa-apa maklum balas mengenai keputusan bantahan dan kami tidak sanggup lagi menunggu lama tanpa ada sebarang kata putus," katanya.

Penduduk yang hadir juga mahu bantuan simpan itu terus dikembalikan sebagai taman rekreasi dan bakal dibina dijadikan jalan penghubung antara Saujana Puchong dengan Bandar Bukit Puchong.

"Kami minta pihak berkenaan mengkaji semula perkara ini dan mencari kawasan lain yang lebih sesuai untuk dijadikan tanah perkuburan. Pada masa yang sama kemudihan jalan raya di sini perlu ditingkatkan.

"Ini kerana sebelum ini kami perlu membayar tol RM3.20 untuk perjalanan pergi balik ke kawasan bandar Puchong berbanding jika wujud jalan penghubung ke tempat itu," katanya.

Yew berkata, pihaknya akan menghantar memorandum itu hari ini dan berharap menyerahkan sendiri kepada Lau.

Oleh sebab gagal menghubungi Lau bagi mendapatkan maklum balas kerana berada di luar negara, Sinar Harian menghubungi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Serdang, Datuk Dr. Mohamad Satim Diman untuk mengujai lanjut.

Menurut beliau, pembinaan kawasan kubur itu sudah digagalkan negeri sejak tahun 2001 dan sudah wujud dalam pelan asal pembangunan di situ.

"Sebelum urusan jual beli kawasan perumahan itu, penduduk sepatutnya sudah tahu mengenai perkara ini dan bukan keseluruhan kawasan hutan yang terbahagi dengan pembinaan kubur ini.

"Daripada kawasan hutan simpan lebih kurang 3,850 ekar ini, hanya 65 ekar sahaja digunakan malah itu dalam kawasan MPSJ memang tiada lagi tempat sesuai kecuali di situ," katanya.

Berita ringkas

PUCHONG INDAH

Majlis makan malam bersama PM

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan bersama penduduk di sekitar kawasan ini dalam satu majlis makan malam yang akan diadakan di sini, malam ini.

Program mesra rakyat itu dijadualkan berlangsung pada jam 8.30 malam di padang awam Puchong Indah.

Majlis ini dianjurkan sempena lawatan Perdana Menteri ke kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam jadual lawatannya ke Selangor.

Pinfo daerah

MJP MPSJ ZON 11

Penasihat

Kwee Cheong Wei
Ahli Majlis
Pegawai Pukhidaman Aburi
Kluara
C- 37, Jalan Bukit Desa
Kuchai
Batu 8, Jalan Puchong
47100, Puchong,
Selangor Darul Ehsan
Tel: (01-80701193)
Faks: (01-80702382)
E-mel: kweewei@mpsj.gov.my

Pegawai Kawanan

Rohi Mohamad Yunus
Istis Kasuarian

"Penyerahan Memorandum kepada Ahli Parlimen Puchong" (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 Disember 2007:

"Laporan Akhbar Untuk Penyerahan Memorandum kepada Ahli Parlimen Puchong 16 Dec 2007").

2007-12-31: Tapak Perkuburan Dibesarkan Dalam Draft Rancangan MPSJ 2008-2020



Kiri: Peta lokasi tapak cadangan perkuburan daripada sumber tahun 2006 menyatakan keluasan asalnya iaitu 55 ekar: *"With reference to the decision of Majlis Perbandaran Subang Jaya to go ahead with the project of constructing a cemetery in Saujana Puchong, we will put forward an official demand to MPSJ to announce the EIA report for the project and request MPSJ to stop construction before the report is released to the public. Although MPSJ President PSJ president Mohd Arif Rahman is*

adamant that the project will take off later this year as planned. He mentioned that the layout of the project is ready and work will start sometime this year. Around 32 acres (13 hectares) of the 55-acre (22-hectare) land will be allocated for the Muslim burial ground according to Malay Mail on Monday." (Lau Weng San, 22 Februari 2006:

"Selangor DOE to announce EIA report first before cemetery project").

Kanan: Peta lokasi tapak cadangan perkuburan, dipetik daripada Draf Rancangan MPSJ 2008-2020, yang diperluaskan kepada 150 ekar: "Menurut Draf rancangan MPSJ 2008-2020, tanah perkuburan di Hutan Simpanan Ayer Hitam (HSAH) akan diperluaskan kepada lebih kurang 150 ekar menghapuskan hutan simpanan dari SP 9 hingga hujung SP 10 dan LEP 7. Ini bermakna tanah perkuburan HSAH adalah 50% saiz Saujana Puchong dan 70% saiz Lestari Puchong. Tarikh Akhir untuk bantahan kepada MPSJ adalah 28 Jan 2008." (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 31 Disember 2007:

"Program SCT membantah Rancangan MPSJ MEMPERBESARKAN tanah perkuburan di Hutan Simpanan Ayer Hitam").

2008-02-13: Memorandum Kepada DS Khir Toyo

"SCT mengetuai penduduk menghantar memorandum kepada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo agar memindahkan tapak perkuburan seluas 60 hektar ke tempat lain yang lebih sesuai." (Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2009-09-27: Liputan Pelbagai Akhbar



"Selama lima tahun, penduduk Taman Saujana Puchong telah berkempen membantah rancangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk menjadi sebahagian daripada hutan simpan Ayer Hitam sebagai kawasan tanah perkuburan. Sewaktu sesi dialog dengan pegawai kerajaan negeri pada 22 Jun lalu, penduduk dijanjikan oleh pengerusi jawatankuasa setinggan, pengurusan bangunan dan perumahan, Iskandar Abdul Samad bahawa penyelesaiannya akan dicapai dalam tempoh tiga bulan. Dan kini, tempoh tiga bulan itu yang berakhir pada 22 September telah berlalu tanpa sebarang maklumat dari pihak berkuasa. Sehubungan itu, jawatankuasa sementara membantah projek tanah perkuburan itu, menulis surat kepada Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim untuk mendapatkan penjelasan mengenainya. 'Mereka bersama kami sebelum menjadi kerajaan. Kami berharap mereka cepat membuat keputusan mengenai perkara itu. Kami mahu tinggal di sini dalam keadaan aman dan

tidak perlu bimbang mengenai tanah perkuburan tersebut,' kata jurucakapnya Lau Seng You (kiri).

Cadangan untuk membina tanah perkuburan awam seluas 55 hektar di situ, termasuk tempat membakar mayat - yang dianggap terbesar di negara ini - akan membabitkan sebahagian besar kawasan hutan simpan yang kini dimiliki Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan kini digunakan untuk tujuan penyelidikan. Menurut penduduk, hutan simpan seluas 3,000 hektar itu adalah antara segelintir kawasan hijau yang masih tinggal di negara ini. Ia juga menjadi tempatan tinggal masyarakat Orang Asli. Kira-kira 1,500 penduduk di situ bimbang mengenai kejatuhan nilai hartanah serta pencemaran alam sekitar ekoran cadangan pembinaan tempat pembakaran di situ. Wakil jawatankuasa sementara penduduk itu telah memfailkan semakan kehakiman pada 2006 tetapi kes berkenaan telah beberapa kali ditangguhkan. Hari ini penduduk telah membawa pihak media ke pinggir kawasan hutan simpan tersebut untuk bergambar bersama kain rentang yang dibuat pada 2007, dengan kandungannya disarankan oleh Iskandar, yang juga seorang ahli politik PAS. Lau berkata, walaupun perkara itu telah dibawa ke mahkamah dan tarikh untuk mendengarnya belum ditetapkan, tetapi pihaknya berharap ianya dapat diselesaikan di luar mahkamah."

(Sumber: Andrew Ong, Malaysiakini, 27 September 2009:

"Penduduk menuntut pendirian Pakatan tentang tanah perkuburan").




Kiri: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

[China Press, 28 September 2009.](#)

Kanan: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

[Sin Chew, 28 September 2009.](#)



Kiri: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

[Kwongwah KB7 28 Sept 2009.](#)

Kanan: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

[Oriental Daily MC13 28 Sept 2009.](#)

2009-10-25: TS Khalid Ibrahim Menjanjikan Pewartaan Semula

“Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengeluarkan kenyataan bahawa tapak perkuburan akan digazetkan semula apabila lokasi baru pembinaan kubur ditemui.”

"09/01/2010: Exco berkaitan mengumumkan projek pembinaan kubur dibatalkan dalam laporan akhbar berbahasa Cina."

(Sumber: Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").



Akhbar The Star 12 Januari 2010 turut melaporkan pembatalan projek pembinaan perkuburan ini (Majlis Perbandaran Subang Jaya:

12 Jan 2010).

2010-01-17: Desakan Pewartaan Semula

"Penduduk dan SCT mahu Kerajaan Negeri mengeluarkan hitam putih dan seterusnya mengazetkan semula HSAH sebagai hutan simpanan kekal."



Desak gazet semula HSAH

Tidak mahu Exco sekadar janji tanpa mengeluarkan hitam putih berhubung isu tanah perkuburan seluas 60 hektar di kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam

POKONG - Selera telah lama telah bertang mengabdikan Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH) di sini, seluas 40,000 hektar, dari beberapa tahun perantaraan berikutan masalah kelestarian dan syarikat apabila Kerajaan Negeri menggunakan projek pembangunan tanah perkuburan seluas 60 hektar di kawasan itu dibatalkan. Bagaimanapun, isu berhubung peralihan yang menyangkut perkhidmatan ini menerusi akhbar tempatan masih tidak dapat dipastikan kerana mereka mendakwa tidak sebarang lesen putih dibekalkan pihak berwajib yang mengabdikan perkara

itu. Malah telah membuat bantahan terhadap, pembatalan projek berkenaan sehingga mereka sedar bahawa projek tersebut tidak di gazet semula sebagai hutan simpan. Setiausaha Perikanan Kempen Pembangunan (SCT) yang mewakili peralihan Bandar Bukit, Puchong, Muzara, Tasek Puchong, Muzara, Tasek dan kawasan Puchong, Ng Chai Keng berkata, peralihan berkenaan hanya boleh berlaku jika Exco Kerajaan Negeri mengabdikan perkara itu. Katanya, apa yang dipinta pembatalan peralihan

adalah untuk membolehkan mereka untuk melaksanakan projek pembangunan di kawasan itu. "Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan. Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan. Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan."

berkenaan dengan lesen berjangka lama yang dalam satu program tanah raya yang dibekalkan sebagai kawasan hutan simpan. "Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan. Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan."

berkenaan dengan lesen berjangka lama yang dalam satu program tanah raya yang dibekalkan sebagai kawasan hutan simpan. "Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan. Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan."

berkenaan dengan lesen berjangka lama yang dalam satu program tanah raya yang dibekalkan sebagai kawasan hutan simpan. "Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan. Saya mengabdikan projek ini kerana ia adalah projek yang dipertimbangkan sebagai kawasan hutan simpan."

Kiri: Sinar Harian, 18 Januari 2010

Kanan: China Press, 18 Januari 2010

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2010-04-20: Surat Pembatalan Projek



Surat pembatalan projek daripada pihak kerajaan negeri: "Reply Letter dated 20 April 2010 from the State Legal Advisor informing the cemetery project has been cancelled and the land will be regazetted" (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 21 Jun 2010:

"Documents For 20 June 2010 Press Conference").

2010-06-20: Memorandum Tuntutan Pewartaan Semula

Signature Campaign Teamwork (SCT)
 (Bender Bahli Puchong, Gateway Puchong, Lestari Puchong, Matara Indah & Saujana Puchong)

No.01, Jalan SP9/9, Taman Saujana Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
 Website : sct.saujanapuchong.googlepages.com/home
 (016-3268738, 019-3613244, 012-3072566, 012-2353280)

"Kekalkan hutan simpanan, mahu jalan, bukan kubur"

MEMORANDUM

Tarikh : 21 June 2010
 Kepada : YAB Tan Sri Dato' Abd. Khalid Ibrahim (Menteri Besar Selangor)
 Daripada : En. Lee Wai Hong

MENYERU KERAJAAN SELANGOR UNTUK MEWARTAKAN (GAZET) SEMULA TAPAK PERKUBURAN KEPADA HUTAN SIMPANAN SEBELUM 21-07-2010

Memorandum kepada Surai dari Kamar Pemasihat Undang-Undang Negeri Selangor (No. Rujukan: PU/SEL-PEL-0021/06) bertarikh 20 April 2010 kepada SCT, Kerajaan Selangor sudah memutuskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-5/2010 pada 03-02-2010 dan mengemukakan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-6/2010 pada 10-02-2010 perkara berikut:

- i. Mewartakan semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam
- ii. Mewartakan pengelasan hutan kawasan ini sebagai Hutan Lipar; dan
- iii. Perancangan dan pengurusan kawasan di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan UPM

Diwajibkan Surai dari Kamar Pemasihat Undang-Undang Negeri Selangor ini (No. Rujukan: PU/SEL-PEL-0021/06), dalam Sebutan Kes pada 16-03-2010, Mahkamah Tinggi membenarkan Kes Semakan Kebiasaan (Judicial Review) SCT terhadap Kerajaan Selangor (MFT3-25-35-2006) ditamatkan dari Peringkat Sebutan Kes (Case Mention) iaitu "Peringkat Perincian Untuk Perbicaraan Kes" kepada Peringkat Pengurusan Kes (Case Management) iaitu "Peringkat Perbincangan Untuk Penyelesaian Luar Mahkamah" di mana tarikh Pengurusan Kes ditetapkan pada 27-04-2010.

Pengurusan Kes pada 27-04-2010 terpaksa ditangguhkan lagi oleh Mahkamah Tinggi ke 27-05-2010 kerana Kerajaan Selangor belum mewartakan (gazet) semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam.

Lebih malang lagi, Pengurusan Kes pada 27-05-2010 terpaksa ditangguhkan lagi ke 21-07-2010 di atas ALASAN yang sama.

Signature Campaign Teamwork (SCT)
 (Bender Bahli Puchong, Gateway Puchong, Lestari Puchong, Matara Indah & Saujana Puchong)

No.01, Jalan SP9/9, Taman Saujana Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
 Website : sct.saujanapuchong.googlepages.com/home
 (016-3268738, 019-3613244, 012-3072566, 012-2353280)

"Kekalkan hutan simpanan, mahu jalan, bukan kubur"

SCT, mewakili penduduk, ingin bertanya kepada Kerajaan Selangor:

- 1. Mengapa dalam masa yang begitu panjang (16-03-2010 hingga 27-05-2010), Warta Semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam tidak dapat diselesaikan?
- 2. Bolehkah Kerajaan Selangor menyelesaikan Warta Semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam sebelum 21-07-2010?

SCT bersama-sama penduduk MENYERU Kerajaan Selangor supaya mengawasi Pegawai Kerajaan Yang Bertanggungjawab SECARA LEBIH KETAT agar Warta Semula tapak cadangan perkuburan kepada Hutan Simpanan Ayer Hitam diselesaikan sebelum 21-07-2010 SUPAYA Penyelesaian Luar Mahkamah tidak ditangguhkan lagi.

Sekian Terima Kasih

Yang benar,


 En. Lee Wai Hong (Pengerusi)

Memorandum pihak SCT Saujana Puchong kepada kerajaan negeri pada 21 Jun 2010, menuntut pewartaan semula kawasan tapak projek: "Memorandum that will be handed to Menteri Besar Office on 21 June 2010" (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 21 Jun 2010:

"Documents For 20 June 2010 Press Conference").

Liputan akhbar:-







Kiri: The Star, 21 Jun 2010

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 22 Jun 2010:

"The newspaper reports on 20 June 2010 press conference").

2010-07-22: Pewartaan Hutan Simpan Ayer Itam Tambahan





Akhirnya, 6 tahun selepas penubuhan Signature Campaign Teamwork/SCT (2004-2010), kawasan tersebut telah diwartakan semula sebagai Hutan Simpan Ayer Itam (Tambahan) pada 22 Julai 2010, sekaligus merasmikan pembatalan projek perkuburan di situ. Berikutan itu, kes bantahan di mahkamah juga turut digugurkan. Butiran warta: *“Menurut seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] seperti yang diterima pakai oleh Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [En.5/1985], Pihak Berkuasa Negeri Selangor mengisytiharkan bahawa kawasan tanah yang diperihalkan dalam Jadual, dijadikan sebagai hutan simpanan kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpan Ayer Hitam (Tambahan) mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam Warta. JADUAL: Daerah - Petaling. Mukim - Petaling. No. Pelan - Pelan Warta No. 1554 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dijadikan - Kawasan yang sempadannya bergaris tebal. Luas - lebih kurang 22,260 hektar (55,000 ekar). Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini mengelaskan hutan simpanan kekal yang diperihalkan dalam Jadual, sebagai hutan lipur mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam Warta. JADUAL: Daerah - Petaling. Mukim - Petaling. No. Pelan - Pelan Warta No. 1555 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dijadikan - Kawasan yang sempadannya bergaris tebal. Luas - lebih kurang 22,260 hektar (55,000 ekar).”* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 26 September 2010:

|

["Out-Of-Court Settlement After 6 Long Years of Struggle"](#)).

Liputan media:-



The Star, 29 September 2010 (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2010:

"News Report on 26 Sept 2010 Press Conference").





Kiri: Peta lokasi tapak cadangan perkuburan, berdasarkan gambar satelit tahun 2007 (Ditandakan dengan sempadan biru): *"The location from Google Earth"* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 16 Ogos 2007:

["Protest in Lestari Puchong on 12 August 2007"](#)).

Kanan: Peta lokasi cadangan perkuburan, kini (Ditandakan dengan sempadan biru). Tampaknya kembali sebagaimana asalnya, dan masih terpelihara ([Google Maps, 2024](#)).

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/hutan_ayer_itam_t?rev=1724598142

Last update: **2024/08/25 23:02**

